

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU]

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan menyatakan semenjak dilancarkan, berapakah jumlah permohonan Malaysia My Second Home (MM2H) yang diterima, berapa jumlah yang diluluskan dan adakah program ini akan diteruskan untuk jangka masa yang panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) merupakan satu inisiatif Kerajaan Malaysia sejak tahun 2002 untuk menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi serta memenuhi syarat untuk menetap dan merancakkan ekonomi di Malaysia melalui subsektor pelaburan, harta tanah, pendidikan, perubatan, dan automobil. Warga asing yang berjaya menyertai Program MM2H akan diberikan Pas Lawatan Sosial dengan Visa Masuk Berulang Kali untuk tempoh 10 tahun dan boleh diperbaharui.

Berdasarkan rekod permohonan dari tahun 2011 sehingga September 2019, sejumlah 39,295 permohonan telah diterima oleh Pusat MM2H. Untuk rekod kelulusan pula, bermula pada tahun 2011 sehingga Julai 2019, sejumlah 31,185 permohonan warganegara asing dari 131 buah negara telah diluluskan.

Program MM2H yang telah bertapak selama 17 tahun telah memberi banyak manfaat dan sumbangan kepada ekonomi negara iaitu anggaran RM18.3 bilion merangkumi kutipan hasil fi visa, pembukaan simpanan tetap di Malaysia, pembelian harta tanah kediaman. Anggaran ini tidak mengambil kira perbelanjaan isi rumah bulanan yang bergantung kepada bilangan ahli keluarga serta perbelanjaan pendidikan bagi anak-anak mereka dan kos perubatan di samping pembelian kereta pemasangan tempatan (CKD). Atas pencapaian tersebut, pihak Kementerian akan komited untuk mempromosikan Program MM2H di peringkat antarabangsa dan mengekalkan pelaksanaannya pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.